

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPP 411 – SEMINAR ISU-ISU PENDIDIKAN SEMASA**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jawab SATU (1) soalan dari Bahagian A dan DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan di Bahagian A diperuntukan 40 markah, dan setiap soalan di Bahagian B diperuntukan 30 markah.

...2/-

**BAHAGIAN A**

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

1. Dasar Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan negara dan mewujudkan identiti nasional.
  - (a) Pada pendapat anda adakah tujuan-tujuan tersebut sudah tercapai?
  - (b) Apakah isu-isu yang timbul mengenai dasar ini?

(40 markah)
  
2. Bincangkan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh guru untuk menyahut cabaran Wawasan 2020 bagi membantu menyelesaikan isu-isu yang timbul melalui pelaksanaan kurikulum dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah kini.

(40 markah)

**BAHAGIAN B**

Jawab DUA (2) soalan sahaja

3. Bincangkan dua masalah yang menjadi isu utama pengintegrasian ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Jelaskan secara terperinci bagaimana guru boleh menangani isu ini?

(30 markah)
  
4. Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) bertujuan untuk memasukkan elemen ujian prestasi bagi menggantikan ujian pencapaian yang berbentuk pensil dan kertas.

Bincangkan tiga masalah pelaksanaan PKBS di peringkat sekolah.

(30 markah)
  
5. Bincangkan isu-isu pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris terutama yang berkaitan dengan:
  - (a) Sumber pengajaran dan pembelajaran (termasuk buku teks)
  - (b) Pedagogi guru
  - (c) Reaksi masyarakat

(30 markah)